

NO. SOALAN : 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' NORMALA BINTI
ABDUL SAMAD
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2016 (ISNIN)

SOALAN : 19

**YB Dato' Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]
minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah
perancangan pihak Kerajaan bagi membangun dan membina
perumahan mampu milik PR1MA di negeri Johor, khususnya
di dalam kawasan Parlimen Pasir Gudang dan bilakah
perumahan terus akan mula dibina.**

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Negeri Johor setakat ini, sebanyak 22,100 unit kediaman PR1MA telah diluluskan oleh Anggota Perbadanan PR1MA. Projek-projek ini terletak di kawasan;

No.	Kawasan
1)	Pasir Gudang
2)	Tebrau
3)	Johor Bahru
4)	Simpang Renggam
5)	Tenggara
6)	Kluang
7)	Batu Pahat
8)	Pulai
9)	Gelang Patah
10)	Sekijang
11)	Labis

Daripada jumlah yang diluluskan tersebut, sebanyak 5,747 unit sedang berada dalam pembinaan manakala selebihnya masih berada dalam pelbagai fasa perancangan masing-masing.

PR1MA akan meneruskan lagi usahanya untuk mengenalpasti lokasi yang strategik dan berpotensi untuk pembangunannya. Penentuan lokasi ini juga turut disokong melalui permintaan pemohon yang diperoleh daripada Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA.

Sekian. Terima kasih.